

8 MAC 2018

## Seludup ketum, 2 beradik ditahan

### Seludup ketum, 2 beradik ditahan

**PADANG TERAP 7 Mac.** - Tiga lelaki termasuk dua beradik ditahan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (Aksem) kerana diper-  
caya cuba menyeludup 500 kilo-  
gram (kg) daun ketum bernilai  
RM20,000 ke Thailand di Kota  
Putra di sini semalam.

Ketua Polis daerah, Deputi Superintenden Noh Idris berkata, 10 anggota diketuai Koperal Romdzan Awang menjumpai sebuah kereta dan motosikal diletakkan tepi jalan tanah merah berhampiran Kampung Pengasah dekat sini kira-kira pada pukul 7 petang.

"Semasa tinjauan, anggota Aksem mendapati tiga suspek bera-  
da berdekatan kawasan tersebut  
dan mengaku kenderaan itu milik  
mereka.

"Hasil pemeriksaan ke atas kenderaan tersebut mendapati terdapat 104 plastik hitam berisi daun ketum dalam kereta tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Noh memberitahu, selain bungkus berisi daun ketum, pihaknya turut merampas sebuah kereta jenis Toyota Unser dan motosikal jenis Honda EX5 untuk tindakan lanjut.